Soalan Lazim (FAQ)

Baca halaman ini dalam bahasa setempat anda:

- العربية .
- 中文
- Hrvatski
- Ελληνικά
- עברית
- हिन्दी
- Indonesia
- Melayu
- Русский
- Slovenčina
- ไทย
- Türkçe
- <u>ار دو</u> •

JADUAL KANDUNGAN (klik salah satu pautan di bawah untuk melangkau ke bahagian tersebut):

PEMBAYARAN

APAKAH KAEDAH PEMBAYARAN YANG BOLEH SAYA GUNAKAN?

PENGHANTARAN & PEMULANGAN

- BILAKAH AKAN SAYA MENERIMA PESANAN SAYA DAN BERAPAKAH KOS PENGHANTARAN PESANAN SAYA?
- MANAKAH DESTINASI PENGHANTARAN ANDA?
- ADAKAH ANDA MENGHANTAR PESANAN KE BERBILANG ALAMAT?
- BAGAIMANAKAH JIKA SAYA BERUBAH FIKIRAN DAN MAHU MENUKAR SAIZ ATAU WARNA SELEPAS PESANAN SAYA DIBUAT?
- BAGAIMANAKAH JIKA SAYA TIDAK BERPUAS HATI DENGAN PILIHAN SAYA? ADAKAH SAYA BOLEH MEMULANGKAN PEMBELIAN?
- BERAPAKAH KOS PEMULANGAN YANG PERLU SAYA BAYAR?
- BERAPA LAMAKAH MASA YANG DIAMBIL UNTUK MEMPROSES PEMULANGAN SAYA?
- JIKA SAYA MEMBERIKAN HADIAH KEPADA SESEORANG, BOLEHKAH BELIAU MEMULANGKAN ATAU MENUKAR HADIAH TERSEBUT DENGAN ITEM LAIN?
- APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA ITEM YANG SAYA TERIMA ROSAK?
- ADAKAH PESANAN SAYA MERANGKUMI DUTI & CUKAI IMPORT?

PERKHIDMATAN PELANGGAN

- BOLEHKAH SAYA MELIHAT SEJARAH PESANAN SAYA DI MICHAELKORS.GLOBAL?
- BAGAIMANAKAH BOLEH SAYA MENGETAHUI SAIZ YANG SESUAI UNTUK SAYA?
- APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA SAYA MEMPUNYAI PERTANYAAN TENTANG SESUATU PRODUK?

- APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA SAYA MEMPUNYAI PERTANYAAN TENTANG PEMBELIAN YANG DIBUAT DI EROPAH, AMERIKA SYARIKAT ATAU KANADA?
- APAKAH STATUS PESANAN SAYA?
- MENGAPAKAH PESANAN SAYA DIBATALKAN?

PENGGUNAAN LAMAN WEB

- MENGAPAKAH HARUS SAYA MEMBUAT AKAUN MICHAELKORS.GLOBAL?
- APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA SAYA TERLUPA KATA LALUAN SAYA?
- SIAPAKAH GLOBAL-E?

<u>PEMBAYARAN</u>

Apakah kaedah pembayaran yang boleh saya gunakan?

Bayaran diproses oleh rakan kongsi pemudahan dan penunaian jualan antarabangsa kami, Global-e. Jenis pembayaran berikut diterima di www.michaelkors.global untuk pembelian dalam talian:

Destinasi	Kaedah Pembayaran Yang Tersedia
Australia	American Express AfterPay Amazon Pay Apple Pay Diners Club Klarna Pay in 4 Mastercard PayPal Visa
Bahrain	American Express Diners Club Mastercard PayPal Visa
Croatia	American Express Apple Pay Diners Club Mastercard PayPal Visa

Destinasi	Kaedah Pembayaran Yang Tersedia
Mesir	Mastercard PayPal Visa Fawry
Ghana	American Express Mastercard PayPal Visa
Greece	American Express Apple Pay Diners Club Mastercard PayPal Visa
Hong Kong, China	American Express Alipay Apple Pay Diners Club JCB Mastercard PayPal Union Pay Visa
India	American Express Diners Club Mastercard PayPal Visa
Indonesia	American Express JCB Mastercard PayPal Visa OVO Doku
Israel	American Express Apple Pay Diners Club Mastercard PayPal Visa

Destinasi	Kaedah Pembayaran Yang Tersedia
Lebanon	American Express Mastercard PayPal Visa
Malaysia	American Express JCB Mastercard PayPal Visa Grab Pay MOL Pay
New Zealand	American Express Apple Pay Diners Club Mastercard PayPal Visa
Nigeria	American Express Mastercard PayPal Visa
Pakistan	American Express Mastercard PayPal Visa
Filipina	American Express Mastercard PayPal Visa JCB
Qatar	American Express Diners Club Mastercard PayPal Visa

Destinasi	Kaedah Pembayaran Yang Tersedia
Rusia*	American Express Apple Pay Diners Club Mastercard Moneta PayPal Qiwi Wallet Pembayaran Dompet Rusia Visa Yandex
Singapura	American Express Apple Pay Diners Club eNETS JCB Mastercard PayPal Visa Grab Pay
Republik Slovakia	American Express Diners Club Mastercard PayPal Visa
Afrika Selatan	American Express Diners Club Mastercard PayPal Visa Apple Pay EFT
Taiwan, China	American Express Apple Pay JCB Mastercard PayPal Visa

Destinasi	Kaedah Pembayaran Yang Tersedia
Thailand	American Express Diners Club JCB Mastercard PayPal Visa
Turki	American Express Diners Club Mastercard Visa
Ukraine*	Apple Pay Mastercard PayPal Qiwi Wallet Visa

^{*} Tidak tersedia buat masa ini.

Penahanan keizinan bagi jumlah keseluruhan pesanan anda dikenakan pada kaedah pembayaran sewaktu pesanan dibuat tetapi anda tidak akan dikenakan caj sehingga pesanan anda dihantar. Jika pembayaran anda tidak diizinkan, anda akan menerima mesej pada halaman daftar keluar untuk mencuba bentuk pembayaran lain.

Sila ambil perhatian bahawa bukan semua kaedah pembayaran boleh digunakan untuk setiap jenis pesanan – kaedah pembayaran yang boleh digunakan untuk pesanan anda akan dipaparkan semasa mendaftar keluar.

Proses daftar keluar kami menggunakan Verified by Visa, MasterCard SecureCode dan American Express SafeKey, mengikut kesesuaian, untuk mengesahkan transaksi dalam talian anda.

Anda mungkin akan dikenakan yuran tambahan (seperti yuran urus niaga asing atau yuran rentas sempadan) atau surcaj yang dikenakan oleh bank atau pengeluar kad kredit/debit anda. Caj atau yuran tersebut tidak dikenakan oleh Michael Kors atau Global-e, dan kami serta Global-e tidak mengawal dan tidak dapat mengurangkan caj tersebut. Sila hubungi bank atau pengeluar kad anda jika anda mempunyai pertanyaan berkenaan caj atau yuran yang mungkin dikenakan.

Sila ambil perhatian: Buat masa ini, Kad Hadiah klasik Michael Kors atau E-Kad Hadiah Michael Kors tidak boleh dibeli atau ditebus di <u>michaelkors.global</u>.

BILAKAH AKAN SAYA MENERIMA PESANAN SAYA DAN BERAPAKAH KOS PENGHANTARAN PESANAN SAYA?

Anda boleh menjejak pesanan anda pada bila-bila masa dalam talian melalui halaman <u>Status Pesanan</u> kami. Anda perlu memberikan alamat e-mel dan nombor pesanan anda. Anda juga boleh menjejak pesanan anda dengan mengklik pautan penjejakan dalam e-mel pengesahan penghantaran anda yang akan menghalakan anda ke portal penjejakan dalam talian atau dengan menghubungi wakil Perkhidmatan Pelanggan melalui borang Hubungi Kami.

Penghantaran dan Pengiriman

Global-E yang merupakan rakan kongsi pemudahan dan penunaian jualan antarabangsa kami akan memproses pembayaran anda dan penghantar yang disahkan akan menghantar pesanan anda.

Perkhidmatan	Masa	Kos
Penghantaran Ekspres	3-6 Hari Perniagaan	AU\$ 15, PERCUMA melebihi AU\$ 375
Penghantaran Ekspres	3-7 Hari Perniagaan	BD 4, PERCUMA melebihi BD 100
Penghantaran Ekspres	3-4 Hari Perniagaan	kn 80, PERCUMA melebihi 1, 900 kn
Penghantaran Ekspres	3-7 Hari Perniagaan	EGP 193, PERCUMA melebihi EGP 4, 900
Penghantaran Ekspres	4-5 Hari Perniagaan	GH¢ 83, PERCUMA melebihi GH¢ 2, 100
Penghantaran Ekspres	3-4 Hari Perniagaan	€ 10, PERCUMA melebihi € 250
Penghantaran Ekspres	3-4 Hari Perniagaan	HK\$ 83, PERCUMA melebihi HK\$ 2, 100
Penghantaran Ekspres	7-9 Hari Perniagaan	₹ 820 PERCUMA melebihi ₹ 20,500
Penghantaran Ekspres	3-7 Hari Perniagaan	Rp 155,000, PERCUMA melebihi Rp 3, 880, 000
Penghantaran Ekspres	6-8 Hari Perniagaan	₪ 36, PERCUMA melebihi ₪ 900
Penghantaran Ekspres	3-7 Hari Perniagaan	LBP 16, 500 PERCUMA melebihi LBP 410, 000
Penghantaran Ekspres	3-7 Hari Perniagaan	RM 47, PERCUMA melebihi RM 1200
	Penghantaran Ekspres Penghantaran Ekspres	Penghantaran Ekspres3-6 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres3-7 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres3-4 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres4-5 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres3-4 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres3-4 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres7-9 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres3-7 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres3-7 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres3-7 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres3-7 Hari PerniagaanPenghantaran Ekspres3-7 Hari Perniagaan

Destinasi	Perkhidmatan	Masa	Kos
New Zealand	Penghantaran Ekspres	4-7 Hari Perniagaan	NZ\$ 17, PERCUMA melebihi NZ\$ 420
Nigeria	Penghantaran Ekspres	4-5 Hari Perniagaan	₦ 4400, PERCUMA melebihi ₦ 110, 000
Pakistan	Penghantaran Ekspres	4-6 Hari Perniagaan	Rs 2060, PERCUMA melebihi Rs 52, 000
Filipina	Penghantaran Ekspres	3-6 Hari Perniagaan	P 552, PERCUMA melebihi P 14, 000
Qatar	Penghantaran Ekspres	3-7 Hari Perniagaan	QR 39, PERCUMA melebihi QR 1000
Rusia	PENGHANTARAN KE RUSIA DITANGGUHKAN BUAT SEMENTARA WAKTU		
Singapura	Penghantaran Ekspres	3-7 Hari Perniagaan	S\$ 15, PERCUMA melebihi S\$ 370
Republik Slovakia	Penghantaran Ekspres	3-4 Hari Perniagaan	€ 10, PERCUMA melebihi € 250
Afrika Selatan	Penghantaran Ekspres	3-7 Hari Perniagaan	R 168, PERCUMA melebihi R 4, 200
Taiwan, China	Penghantaran Ekspres	4-6 Hari Perniagaan	NT\$ 313, PERCUMA melebihi NT\$ 7, 900
Thailand	Penghantaran Ekspres	3-5 Hari Perniagaan	B 370, PERCUMA melebihi B 9, 200
Turki	Penghantaran Ekspres	3-5 Hari Perniagaan	TL 167 PERCUMA melebihi TL 4200
Ukraine	PENGHANTARAN KE UKRAINE DITANGGUHKAN BUAT SEMENTARA WAKTU		

- * Masa penghantaran adalah anggaran. Bergantung pada lokasi anda, Jumaat, Sabtu, Ahad dan Hari Cuti umum mungkin tidak dianggap sebagai hari perniagaan.
- ** Pesanan mestilah dibuat sebelum 2ptg waktu CET. Pesanan yang dibuat selepas 2ptg waktu CET akan dihantar pada hari perniagaan yang seterusnya. Pesanan dihantar dari Isnin hingga Jumaat.

Malangnya, kami tidak dapat menghantar ke alamat BFPO atau Peti Surat.

Sila ambil maklum bahawa tandatangan diperlukan bagi perkhidmatan penghantaran kami. Jika anda tiada di rumah apabila penghantar tiba di rumah anda, penghantaran akan diatur semula dan anda akan dimaklumi melalui maklumat hubungan yang anda berikan bagi tujuan ini.

Cukai & Duti

Pesanan yang dibuat di <u>michaelkors.global</u> untuk penghantaran ke India, Rusia dan Ukraine mungkin tertakluk pada duti dan cukai tambahan, yang perlu dibayar oleh penerima.

Harga yang dinyatakan di <u>michaelkors.global</u> adalah muktamad dan termasuk semua duti dan cukai import, jika berkenaan, untuk destinasi berikut:

Australia, Bahrain, Croatia, Mesir, Ghana, Greece, Hong Kong, Indonesia, Israel, Lebanon, Malaysia, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Filipina, Qatar, Singapura, Republik Slovak, Afrika Selatan, Taiwan, Thailand, Turkiye dan Vietnam. Tiada caj tambahan yang perlu dibayar semasa daftar keluar atau penerimaan.

MANAKAH DESTINASI PENGHANTARAN ANDA?

Semua barangan yang dipesan di <u>michaelkors.global</u> boleh dihantar ke destinasi yang disenaraikan di bawah:

<u>Australia, Bahrain, Croatia, Mesir, Ghana, Greece, Hong Kong, India, Indonesia, Israel, Lebanon, Malaysia, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Filipina, Qatar, Rusia, Singapura, Republik Slovak, Afrika Selatan, Taiwan, Thailand, Turkiye, Ukraine dan Vietnam. Senarai ini mungkin dikemas kini dari semasa ke semasa.</u>

Untuk pesanan ke destinasi lain, sila lawati laman Michael Kors yang berkenaan di bawah: A.S., Kanada, UK, Sepanyol, Jerman, Itali, Perancis, Switzerland, Belanda, Austria, Belgium, Republik Czech, Denmark, Finland, Hungary, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Norway, Poland, Portugal, Republik Ireland, Romania, Sweden, Jepun, China dan Korea Selatan.

Malangnya, buat masa ini kami tidak menawarkan penghantaran ke destinasi yang tiada dalam senarai ini. Jika kami tidak menawarkan penghantaran ke negara anda, sila gunakan Pencari Kedai untuk mencari kedai yang paling berdekatan.

Jika anda cuba mendaftar keluar di laman yang tidak menawarkan penghantaran ke negara atau destinasi penghantaran yang diminta, anda akan dihalakan ke laman negara yang berkenaan. Oleh sebab ketersediaan dan harga item mungkin berbeza, anda boleh menyemak beg membeli-belah anda sebelum meneruskan pembelian anda.

Anda boleh menjejak pesanan anda pada bila-bila masa dalam talian melalui halaman <u>Status Pesanan</u> kami. Anda perlu memberikan alamat e-mel dan nombor pesanan anda. Anda juga boleh menjejak pesanan anda dengan mengklik pautan penjejakan dalam e-mel pengesahan penghantaran anda yang akan menghalakan anda ke portal penjejakan dalam talian atau dengan menghubungi wakil Perkhidmatan Pelanggan dengan melengkapkan borang <u>Hubungi Kami</u>.

ADAKAH ANDA MENGHANTAR PESANAN KE BERBILANG ALAMAT?

Buat masa ini, kami tidak menghantar ke berbilang alamat. Sila buat pesanan berasingan bagi setiap alamat penghantaran.

BAGAIMANAKAH JIKA SAYA BERUBAH FIKIRAN DAN MAHU MENUKAR SAIZ ATAU WARNA SELEPAS PESANAN SAYA DIBUAT?

Malangnya, kami tidak boleh membuat perubahan setelah pesanan dibuat.

BAGAIMANAKAH JIKA SAYA TIDAK BERPUAS HATI DENGAN PILIHAN SAYA? ADAKAH SAYA BOLEH MEMULANGKAN PEMBELIAN?

Pemulangan mestilah dibuat menurut garis panduan dalam <u>Dasar Pemulangan kami</u>. Jika anda tidak berpuas hati dengan pesanan anda atas apa-apa sebab, kami akan menerima pemulangan item dalam keadaan baru dan tidak pernah digunakan, dengan tag asal dan borang pemulangan Michael Kors yang asal. Item yang dipulangkan tidak boleh dicuci, dipakai atau diubah suai. Kami tidak menerima pemulangan pelitup muka, pakaian berenang, pakaian dalam, barang kemas atau produk kecantikan jika pengedap telah rosak atau ditanggalkan, atau item ditempah khas atau diperibadikan (termasuk item yang bermonogram atau berukir).

Dasar Pemulangan ini tidak mempengaruhi hak berkanun yang mungkin anda miliki mengikut undang-undang berkenaan, termasuk hak statutori anda untuk menarik diri atau waranti statutori anda.

Kredit untuk item yang anda pulangkan akan dibayar balik ke akaun anda dalam bentuk pembayaran sama yang diterima, melainkan untuk Bayar Waktu Terima dan yang dinyatakan di sini. Anda akan menerima e-mel yang mengesahkan penyempurnaan proses pemulangan. Sila ambil perhatian bahawa kami tidak menawarkan penukaran.

Sekiranya item dipulangkan kepada kami dalam keadaan yang tidak sesuai, kami mungkin perlu menghantar kembali item kepada anda.

Bayaran balik untuk pesanan Bayar Waktu Terima.

Untuk item pemulangan yang dibayar dengan kaedah 'bayar waktu terima', anda akan dihubungi oleh wakil perkhidmatan pelanggan untuk memproses bayaran balik melalui pindahan bank atau PayPal.

Pemulangan tidak boleh dibuat di kedai.

Barangan yang dibeli dalam talian di michaelkors.global boleh dipulangkan melalui pos sahaja. Semua pemulangan pesanan dalam talian mestilah dipulangkan dalam tempoh 30 hari dari hari anda menerima penghantaran anda. Jika pesanan anda dihantar melalui berbilang penghantaran, anda mempunyai 30 hari dari hari anda menerima penghantaran terakhir bagi pesanan tersebut.

Cara Memulangkan Item.

Untuk pemulangan melalui pos, sila ikut arahan ini:

- 1. Bungkus barangan anda dengan rapi. Sila cuba gunakan kotak dan bahan penghantaran yang asal.
- 2. Layari portal pemulangan kami di <u>www.michaelkors.global/returns</u> untuk memulakan pengesahan pemulangan.
- 3. Masukkan nombor pesanan dan alamat e-mel anda.
- 4. Pilih item yang ingin dipulangkan dan sebab pemulangan anda.

- 5. Pilih label penghantaran prabayar dan cetak label pemulangan serta borang pemulangan.
- 6. Masukkan borang pemulangan ke dalam bungkusan anda sebelum menutup bungkusan dengan rapi.
- 7. Tampalkan label prabayar pada bungkusan pemulangan anda.
- 8. Kirimkan bungkusan pemulangan anda di Pusat Perkhidmatan DHL di destinasi penghantaran anda atau minta pengambilan <u>di sini</u>.

Pemulangan anda akan diproses dalam tempoh maksimum 14 hari setelah diterima di gudang kami.

Sila ambil perhatian bahawa bayaran balik item akan diproses dengan kaedah pembayaran asal kecuali untuk pembayaran Bayar Waktu Terima. Untuk item pemulangan yang dibayar melalui Bayar Waktu Terima, wakil Perkhidmatan Pelanggan akan menghubungi anda untuk membuat pembayaran melalui pindahan bank atau PayPal bagi jumlah yang dipulangkan.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan pembungkusan, pelabelan dan penghantaran produk yang betul kepada kami. Sila simpan bukti bayaran pos anda sebagai jaminan untuk penghantaran anda.

Jika borang pemulangan atau label pemulangan prabayar anda hilang, sila hubungi <u>Perkhidmatan</u> <u>Pelanggan</u> yang akan menghantar borang atau label baru kepada anda melalui e-mel.

BERAPAKAH KOS PEMULANGAN YANG PERLU SAYA BAYAR?

Kos yang diberikan subsidi bagi label pemulangan prabayar akan ditolak daripada jumlah pemulangan anda dan dinyatakan di bawah.

Destinasi	Kos
Australia	20 AUD
Bahrain	5 BHD
Croatia	95 HRK
Mesir	200 EGP
Ghana	65 GHS
Greece	10 EUR
Hong Kong, China	95 HKD
India	850 INR
Indonesia	175,000 IDR

Destinasi	Kos
Israel	45 ILS
Lebanon	19,000 LBP
Malaysia	50 MYR
New Zealand	20 NZD
Nigeria	4,500 NGN
Pakistan	2000 PKR
Filipina	650 PHP
Qatar	45 QAR
Rusia	800 RUB
Singapura	20 SGD
Republik Slovakia	10 EUR
Afrika Selatan	200 ZAR
Taiwan, China	400 TWD
Thailand	400 THB
Turki	80 TRY
Ukraine	350 UAH
Vietnam	300 VND

Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih penghantar atau perkhidmatan penghantaran yang lain untuk memulangkan item anda dan tidak menggunakan label pemulangan prabayar, melainkan untuk produk yang rosak atau tidak mematuhi piawai, anda akan menanggung kos pemulangan, termasuk apa-apa duti atau cukai yang mungkin dikenakan oleh Michael Kors atas sebab penggunaan penghantar lain. Kos ini akan ditolak daripada jumlah pemulangan anda.

Penghantaran pulang dari Rusia yang melebihi nilai €1,000 akan tertakluk pada caj kastam pemulangan, yang akan dibayar kepada penghantar oleh pemulang sewaktu pengumpulan item.

BERAPA LAMAKAH MASA YANG DIAMBIL UNTUK MEMPROSES PEMULANGAN SAYA?

Pemulangan anda akan diproses dalam tempoh maksimum 14 hari setelah diterima di gudang kami.

Kredit untuk item yang anda pulangkan akan dibayar balik ke akaun anda dalam bentuk pembayaran sama yang diterima, melainkan untuk pembayaran Bayar Waktu Terima. Untuk item pemulangan yang dibayar melalui Bayar Waktu Terima, wakil Perkhidmatan Pelanggan akan menghubungi anda untuk membuat pembayaran melalui pindahan bank atau PayPal bagi jumlah yang dipulangkan. Anda akan menerima e-mel yang mengesahkan penyempurnaan proses pemulangan.

JIKA SAYA MEMBERIKAN HADIAH KEPADA SESEORANG, BOLEHKAH BELIAU MEMULANGKAN ATAU MENUKAR HADIAH TERSEBUT DENGAN ITEM LAIN?

Hadiah boleh dipulangkan melalui pos, seperti yang digariskan di atas. Sila ambil maklum bahawa kami tidak boleh menawarkan penukaran dan bayaran balik akan diproses ke akaun asal dalam bentuk pembayaran sama yang diterima, melainkan untuk pembayaran Bayar Waktu Terima. Untuk item pemulangan yang dibayar melalui Bayar Waktu Terima, wakil perkhidmatan pelanggan akan menghubungi anda untuk membuat pembayaran melalui pindahan bank atau PayPal bagi jumlah yang dipulangkan.

Jika anda memerlukan bantuan untuk pemulangan melalui pos, sila hubungi perkhidmatan pelanggan menggunakan butiran <u>di sini</u>.

APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA ITEM YANG SAYA TERIMA ROSAK?

Kepuasan pelanggan merupakan matlamat kami di <u>michaelkors.global</u>. Sila hubungi wakil perkhidmatan pelanggan kami dengan melengkapkan borang <u>Hubungi Kami</u>.

ADAKAH PESANAN SAYA MERANGKUMI DUTI & CUKAI IMPORT?

Pesanan yang dibuat di <u>michaelkors.global</u> untuk penghantaran ke India, Rusia dan Ukraine mungkin tertakluk pada duti dan cukai tambahan, yang perlu dibayar oleh penerima.

Harga yang dinyatakan di <u>michaelkors.global</u> adalah muktamad dan termasuk semua duti dan cukai import, jika berkenaan, untuk destinasi berikut:

Australia, Bahrain, Croatia, Mesir, Ghana, Greece, Hong Kong, Indonesia, Israel, Lebanon, Malaysia, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Filipina, Qatar, Singapura, Republik Slovak, Afrika Selatan, Taiwan, Thailand, Turkiye dan Vietnam. Tiada caj tambahan yang perlu dibayar semasa daftar keluar atau penerimaan.

BOLEHKAH SAYA MELIHAT SEJARAH PESANAN SAYA DI MICHAELKORS.GLOBAL?

Anda perlu memiliki akaun berdaftar di <u>michaelkors.global</u> untuk mengakses sejarah pesanan anda. Pesanan yang dipaparkan ialah pesanan yang dibuat dalam talian dan selepas akaun anda dibuat sahaja.

BAGAIMANAKAH BOLEH SAYA MENGETAHUI SAIZ YANG SESUAI UNTUK SAYA?

Panduan saiz tersedia untuk semua pakaian dan kasut. Maklumat tersebut boleh didapati di halaman butiran produk di bawah menu lungsur Pilih Saiz.

APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA SAYA MEMPUNYAI PERTANYAAN TENTANG SESUATU ITEM?

Jika anda mempunyai pertanyaan tentang sesuatu item, sila hubungi wakil perkhidmatan pelanggan kami dengan melengkapkan borang <u>Hubungi Kami</u>.

APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA SAYA MEMPUNYAI PERTANYAAN TENTANG PEMBELIAN YANG DIBUAT DI EROPAH, AMERIKA SYARIKAT ATAU KANADA?

Jika anda mempunyai pertanyaan tentang pembelian yang dibuat di Eropah, Amerika Syarikat atau Kanada, sila gunakan butiran hubungan di bawah untuk menghubungi wakil perkhidmatan pelanggan:

Eropah

Telefon: +44-800-358-0598

E-mel: <u>europe.customerservice@michaelkors.com</u>

Pasukan Perkhidmatan Pelanggan kami di Eropah boleh dihubungi dari 9pg-8mlm GMT, Isnin hingga

Jumaat dan 9pg-6ptg untuk Sabtu dan Ahad.

Amerika Syarikat & Kanada

Telefon: +1-866-709-KORS (5677)

E-mel: <u>customerservice@michaelkors.com</u>

Pasukan Perkhidmatan Pelanggan kami di Amerika Syarikat dan Kanada boleh dihubungi dari

8pg-1pg EST, setiap hari.

APAKAH STATUS PESANAN SAYA?

Pesanan anda tidak disahkan dan kami tidak akan mengebilkan kaedah pembayaran anda sehingga pesanan anda dikirimkan. Jika anda membuat pesanan yang telah diserahkan tetapi belum diterima, telah dibatalkan atau masih diproses, anda akan masih melihat caj belum selesai pada kaedah pembayaran anda. Anda boleh menjejak pesanan anda pada bila-bila masa dalam talian melalui halaman <u>Status Pesanan</u> kami.

MENGAPAKAH PESANAN SAYA DIBATALKAN?

Kami berusaha keras untuk memaparkan secara tepat warna, ciri, harga dan ketersediaan produk kami pada laman web dan pembatalan pesanan merupakan perkara terakhir yang akan kami lakukan. Sebab yang paling biasa bagi pembatalan adalah jika item kehabisan stok, jika kami mengesyaki penipuan atau jika produk atau harga yang salah telah disenaraikan. Kami akan memaklumi anda dengan secepat mungkin jika pesanan anda dibatalkan. Untuk sebarang pertanyaan berkenaan pesanan yang dibatalkan, sila hubungi pasukan Perkhidmatan Pelanggan kami.

PENGGUNAAN LAMAN WEB

MENGAPAKAH HARUS SAYA MEMBUAT AKAUN MICHAELKORS.GLOBAL?

Dengan membuat akaun di <u>michaelkors.global</u> pengalaman membeli-belah anda boleh dimaksimumkan dan penggunaan laman tersebut akan menjadi lebih mudah juga. Selain itu, ciri dan manfaat tertentu di laman web kami hanya tersedia jika anda mendaftarkan akaun. Berikut ialah contoh manfaat yang hebat: keupayaan untuk menyimpan maklumat pembayaran, pengebilan dan penghantaran untuk pendaftaran keluar yang lebih pantas dan mudah, keupayaan untuk menyimpan buku alamat untuk penghantaran mudah ke alamat yang berbeza, keupayaan untuk membuat dan mengurus senarai Kegemaran dan menjejak sejarah pesanan anda.

APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA SAYA TERLUPA KATA LALUAN SAYA?

Jika anda terlupa kata laluan akaun <u>michaelkors.global</u> anda, sila klik pautan Terlupa Kata Laluan semasa proses daftar masuk. Anda akan diarahkan untuk menetapkan semula kata laluan anda melalui e-mel yang dihantar kepada alamat e-mel yang didaftarkan pada akaun anda. Kami akan menghantar e-mel yang mengandungi pautan ke laman kami, yang boleh anda lawati untuk membuat kata laluan baru.

Anda juga boleh menghubungi wakil Perkhidmatan Pelanggan melalui borang <u>Hubungi Kami</u>. <u>Dapatkan Kata Laluan Di Sini</u>.

SIAPAKAH GLOBAL-E?

Global-e ialah rakan kongsi pemudahan dan penunaian jualan antarabangsa kami. Global-e merupakan penjual dalam rekod bagi semua kontrak pembelian dan penjualan barangan. Global-e akan memproses bayaran anda dan penghantar yang disahkan akan menghantar pesanan anda. Bayaran akan dinyatakan pada penyata anda sebanyak yang dicaj oleh **Global-e / Michael Kors**. Semua pembelian yang dibuat di michaelkors.global tertakluk pada Terma dan Syarat dan Dasar Privasi Michael Kors.

Terakhir Dikemas Kini: 14.04.2023